

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	04 JANUARY 2017

BR1M: Dr. Mahathir dicabar lapor SPRM

Um - 4/1/2017.

Oleh **SOFIAN BAHAROM**

pengarang@utusan.com.my

■ **SEPANG 3 JAN.**

PENGERUSI Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad dicabar membuat laporan secara rasmi kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung dakwaan rakyat yang menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) adalah penerima rasuah.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ini kerana definisi rasuah tidak hanya terhad kepada pihak pemberi tetapi juga merangkumi penerimanya.

“Saya menganggap tindakan Dr. Mahathir mengatakan BR1M itu sebagai rasuah sebagai tindakan menghina penerima BR1M di seluruh negara.

“Kalau betul-betul rasuah, saya harap Dr. Mahathir membuat laporan secara rasmi kepada

SPRM bahawa para penerima BR1M adalah penerima rasuah. Biar SPRM siasat dan tangkap semuanya,” kata beliau kepada pemberita selepas melakukan lawatan ke Tabika Sri Siantan, di sini hari ini.

Baru-baru ini, Dr. Mahathir membuat dakwaan menyamakan pemberian BR1M dengan rasuah ketika berucap dalam program ceramah di Taman Wira Mergong, Alor Setar, Kedah.

Beliau menganggap perbuatan menerima BR1M yang bertujuan membantu golongan berpendapatan rendah untuk menampung kos sara hidup adalah menyalahi undang-undang dan agama.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, semua inisiatif yang diberikan kerajaan untuk membantu rakyat tidak boleh dianggap rasuah.

“Seperti Tabika Kemas, kalau diikutkan bayaran sebenar seorang murid adalah lebih RM200. Tetapi kerajaan memberinya percuma, takkan itu dianggap sebagai rasuah

kepada ibu bapa yang menghantar anak mereka ke Kemas?

“Jabatan Kebajikan Masyarakat juga memberi bantuan tunai kepada orang kurang upaya, orang tua dan sebagainya, takkan itu dianggap rasuah?” katanya.

Berhubung dakwaan Dr. Mahathir bahawa orang yang melaksanakan ibadah haji melalui Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak mendapat haji yang mabrur, Ismail Sabri berkata, kenyataan itu tidak disangka boleh keluar daripada mulut bekas Perdana Menteri itu.

Jelas beliau, bukan urusan manusia untuk menentukan ibadah seseorang itu diterima atau sebaliknya kerana itu adalah hak Allah.

Ditanya berhubung krisis dalam PPBM kini, Ismail Sabri berkata, beliau tidak tahu apa berlaku dalam parti tersebut sehingga menyaksikan semakin ramai ahli bertindak keluar dari parti tersebut.